

SEKOLAH MENENGAH AL HIDAYAH

BUKU PANDUAN PERATURAN SEKOLAH

PENDAHULUAN

1. Pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan di dalam Education (School Discipline) Regulation 1959, Seksyen 4 dan 6, maka saya, Pengetua Sekolah Menengah Al-Hidayah dengan ini membuat peraturan yang dikuatkuasakan mulai tahun 2001 dan dikemaskini pada tahun 2020 ke atas semua pelajar Sekolah Menengah Al Hidayah.
2. Peraturan ini dinamakan Peraturan Sekolah bagi Sekolah Menengah Al Hidayah.
3. Mana-mana pelajar atau kumpulan pelajar yang didapati melanggar mana-mana peraturan ini akan dikenakan tindakan disiplin.
4. Peraturan dalam buku ini boleh dimansuh, dipinda dan ditambah atau peraturan baru dimasukkan ke dalamnya. Dari semasa ke semasa undang-undang kecil juga dibuat dan dikuatkuasakan.

PENGUATKUASA

Guru-guru dan pengawas diberi kuasa untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan sekolah ini.

KUASA MENGHUKUM

Pengetua, Penolong Kanan dan Guru-guru diberi kuasa oleh Pengetua.

Buku Peraturan ini telah dikemaskini pada 17 Nov, 2020

PERATURAN SEKOLAH

AM: Peraturan-peraturan sekolah ini disediakan sebagai panduan untuk pelajar-pelajar dan pihak sekolah mewujudkan keadaan disiplin yang baik, suasana sekolah yang harmoni di samping menimbulkan keadaan bersatu padu, bertanggungjawab dan bertimbang rasa. Dari semasa ke semasa, peraturan-peraturan ini mungkin memerlukan pindaan. Lain-lain peraturan secara lisan atau tulisan yang tidak disenaraikan oleh peraturan sekolah perlu juga dipatuhi oleh pelajar-pelajar.

1 PERIBADI

- 1.1 Setiap pelajar dikehendaki mematuhi undang-undang sekolah. Bekerjasama dengan pihak sekolah dan pengawas, melaporkan kepada guru disiplin berkenaan rakan-rakan yang melanggar undang-undang sekolah.
- 1.2 Sentiasa berusaha dalam pelajaran dan meninggikan serta menjaga nama baik sekolah.
- 1.3 Sentiasa berdisiplin, bersopan-santun, menghormati semua guru dan pelajar sekolah serta mewujudkan perasaan baik sangka dan amanah sesama rakan.
- 1.4 Setiap pelajar dikehendaki menghormati pelawat dan ibu bapa yang datang ke sekolah dan memberi pertolongan kepada mereka, juga mengarahkan mereka ke Pejabat Pengetua atau Penolong Kanan.
- 1.5 Sentiasa melindungi harta benda sekolah dan menjaga kebersihan. Sampah sarap yang bertaburan dimasukkan ke dalam bakul sampah, lampu dan paip air terbuka, ditutupkan, alat perkakas yang terbiar diserahkan kepada pejabat.
- 1.6 Sesuatu kemalangan yang berlaku di atas diri dan rakan-rakan di kawasan sekolah **mestilah segera dilaporkan kepada Guru Bertugas Mingguan/ Penolong Kanan/ Pengetua.**
- 1.7 Jangan menggunakan alamat sekolah untuk surat peribadi. Surat yang dialamatkan ke sekolah, pihak sekolah berkuasa membukanya, sekiranya disyaki sesuatu yang tidak baik atau tidak diingini.

- 1.8 Jangan mengganggu pekerja-pekerja terutama semasa mereka sedang bekerja.
- 1.9 Sekiranya berjumpa barang-barang berharga atau wang bukan hak sendiri, serahkan dengan segera kepada guru bertugas atau Guru Disiplin.
- 1.10 Yuran sekolah hendaklah dijelaskan seperti dituntut pada hari pertama masuk sekolah/kelas. Setiap pembayaran mesti mendapatkan resit. Kecuaian membayar boleh menyebabkan Sijil Berhenti dan Sijil Peperiksaan ditahan.
- 1.11 Pelajar dikehendaki berkelakuan seperti seorang pelajar, berperibadi baik dan tidak menyakiti dan mempermainkan pihak sekolah, guru dan rakan dari segi perbuatan, percakapan atau tingkah laku.

2 KEHADIRAN

- 2.1 Semua pelajar mesti berada dalam kawasan sekolah selewat-lewatnya pada pukul 7.20 pagi. Waktu persekolahan bermula dari pukul 7.25 pagi. Apabila loceng dibunyikan pada jam 7.20 pagi, semua pelajar hendaklah bersegera berbaris di tapak perhimpunan.
- 2.2 Pelajar diwajibkan menghadiri perhimpunan rasmi sekolah di tapak perhimpunan pada setiap hari Isnin. Kedatangan kehadiran sekolah akan diambil.
- 2.3 Semasa bersekolah pelajar-pelajar tidak dibenarkan keluar dari kawasan sekolah tanpa kebenaran daripada Pengetua atau Penolong Kanan.
- 2.4 Pelajar dikehendaki sentiasa berada di dalam kelas dan di tempat sendiri semasa guru mengajar dan mengikuti pelajaran yang diajar dengan sepenuhnya seperti di dalam jadual waktu kelas masing-masing.
- 2.5 Semasa pelajaran dijalankan, tidak dibenarkan pelajar-pelajar keluar dari kelas tanpa sebab dan kebenaran daripada guru yang mengajar. Pelajar yang dibenarkan keluar mesti menyematkan atau menggantung KAD KEBENARAN KELUAR pada leher. Jika tidak ada kad, pelajar itu dianggap ponteng kelas.

- 2.6 Ibu bapa/ Penjaga atau sesiapa jua pun tidak dibenarkan menemui pelajar-pelajar tanpa kebenaran daripada Pengetua. Begitu juga pelajar-pelajar dilarang berjumpa dengan sesiapa jua pun yang datang ke sekolah tanpa kebenaran daripada Pengetua.
- 2.7 Setiap hari hadir ke sekolah mestilah membawa alatan yang cukup dan lengkap. Buku teks yang perlu mestilah dibawa.
- 2.8 Semasa berada di dalam kelas, hendaklah memberi perhatian kepada pengajaran guru. Tidak mengganggu kelas/rakan.
- 2.9 Kerja-kerja rumah yang diarahkan oleh guru mesti dibuat dengan sempurna sebelum hadir ke sekolah.
- 2.10 Semasa rehat dan sebelum sekolah bermula dilarang berkeliaran di sepanjang koridor dan bangunan kelas.
- 2.11 Lima minit sebelum loceng akhir dibunyikan, kelas mestilah dikemaskan di bawah kelolaan guru yang mengajar pada waktu tersebut.
- 2.12 Masa rehat dan sebelum pelajaran bermula tidak dibenarkan pelajar-pelajar tinggal di dalam kelas, kecuali yang menjalankan tugas yang ditetapkan.
- 2.13 Setiap pelajar yang tidak hadir ke sekolah mestilah membawa surat akuan doktor atau surat penjaga memberitahu sebabnya kepada guru kelas dengan segera. Pelajar yang tidak hadir selama dua hari tanpa surat doktor dikehendaki membawa ibu bapa/ penjaga bersama-sama berjumpa dengan Pengetua.
- 2.14 Pelajar-pelajar tidak hadir 3 hari berturut-turut tanpa sebab akan dihubungi oleh guru kelas dengan surat untuk mendapatkan penjelasan secara bertulis daripada ibu bapa/penjaga.

Edaran pelajar asrama.

2.15 Pelajar yang tidak hadir ke sekolah akan diberi surat amaran seperti berikut:

SURAT	Hari Tidak Hadir Berturut-turut	Hari Tidak Hadir Bukan Berturut-turut
Amaran Pertama	Pada hari ke-3	Pada hari ke-10
Amaran Kedua	7 hari selepas Amaran Pertama	10 hari lagi selepas Amaran Pertama
Amaran Akhir	7 hari selepas Amaran Kedua	20 hari lagi selepas Amaran Kedua
Buang Sekolah	14 hari selepas Amaran Akhir	20 hari lagi selepas Amaran Akhir
Jumlah Hari Tidak Hadir	31 hari	60 hari bukan berturut-turut

2.16 Semasa ke sekolah atau pulang sekolah tidak dibenarkan berkeliaran tanpa sebab di bandar atau singgah di mana-mana. Mesti segera pulang ke rumah.

2.17 Pelajar hendaklah sentiasa menepati masa/ mengikuti/ menyertai sebarang kegiatan sekolah. Sekiranya tidak hadir tanpa sebab, pelajar tersebut boleh diambil tindakan disiplin.

2.18 Wajib solat Zuhur berjemaah bersama-sama guru setiap hari.

3 KEKEMASAN

3.1 Pakaian Pelajar

3.1.1 Pakaian Rasmi Sekolah Pelajar, Pengawas, Pengawas Pusat Sumber Lelaki

BAJU

- a) Berwarna putih, tangan pendek, berbutang putih, dan dijahit dengan benang putih. Sementara, warna biru (Pengawas) dan warna ungu (Pengawas Pusat Sumber), berlengan panjang.
- b) Baju hendaklah dimasukkan ke dalam seluar setiap masa.
- c) Singlet (baju dalam) hendaklah berwarna putih sahaja dan tidak terdapat sebarang gambar atau tulisan padanya.

SELUAR

- a) Pelajar diwajibkan memakai seluar panjang berwarna hijau lumut (Ting 1-5) dan warna hitam (Pengawas dan Pengawas Pusat Sumber). Labuh seluar tidak menutupi tumit kasut atau singkat ke paras buku lali.
- b) Lebar kaki seluar tidak boleh kurang dari 40 cm dan tidak boleh lebih dari 45 cm. Seluar fesyen kaki kembang dan kaki sempit tidak dibenarkan.
- c) Seluar jeans dalam semua bentuk/ ala jeans/ poket bertampal atau menyerupainya tidak dibenarkan.
- d) Seluar mestilah longgar (tidak ketat).

KASUT DAN STOKIN

- a) Kasut kanvas berwarna hitam sahaja kecuali Pengawas dan Pengawas Pusat Sumber.
- b) Kasut yang mengandungi *stripe* adalah tidak dibenarkan.
- c) Stokin mestilah hitam, tidak terlalu panjang atau terlalu pendek.

TALI PINGGANG

- a) Seluar yang mempunyai bekas tali pinggang hendaklah memakai tali pinggang.
- b) Lebar tali pinggang tidak melebihi 3cm termasuk kepala tali pinggang.
- c) Kepala tali pinggang hendaklah berbentuk biasa. Tidak dibenarkan sebarang pindaan dibuat.
- d) Tali pinggang hendaklah berwarna gelap (hitam, biru tua atau coklat tua).

LENCANA/ TANDA NAMA

- a) Semua pelajar mesti memakai lencana dan tanda nama sekolah semasa memakai pakaian rasmi sekolah.

KOPIAH

- a) Kopiah wajib dipakai sepanjang sesi persekolahan.
- b) Pengecualian diberikan ketika menjalankan aktiviti luar kelas seperti aktiviti kokurikulum, PJKP dan KRSM.
- c) Kopiah hendaklah berwarna putih sahaja.

PAKAIAN AM

- a) Pemakaian cermin mata mestilah atas nasihat doktor.
- b) Bingkai cermin mata tidak boleh terlalu besar atau terlalu kecil atau terlalu berfesyen.
- c) Cerminnya pula hendaklah tidak berwarna sahaja.

Lampiran

PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH PELAJAR LELAKI



Kopiah putih

Singlet putih tanpa corak/ gambar

Baju putih lengan pendek beserta tanda nama dan lencana sekolah

Seluar panjang hijau lumut

Kasut kanvas hitam dan stokin hitam

PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH PENGAWAS LELAKI



Kopiah putih

Lencana sekolah dan tanda nama

Tali leher sekolah

Baju biru lengan panjang

Seluar panjang hitam

Kasut kulit dan stokin hitam

PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH PENGAWAS PUSAT SUMBER LELAKI



PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH PELAJAR TAHFIZ LELAKI



Kopiah putih

Lencana sekolah dan tanda nama

Baju putih lengan panjang, tangan bercekak

Seluar panjang hijau lumut

Kasut hitam kanvas dan stokin hitam

Edaran pelajar asrama.

PAKAIAN SERAGAM PELAJAR LELAKI SEMASA 'OUTING'



Kopiah putih

T-shirt rasmi sekolah

Seluar slack hitam

Kasut kanvas/ kulit dan stokin hitam

PAKAIAN SERAGAM KRSM LELAKI (DIPAKAI HARI RABU)



Beret dan lencana beret

Lanyard merah

Baju KRS, lencana KRS dan tanda nama

Seluar KRS dan tali pinggang

Kasut kanvas/ kulit dan stokin hitam

PAKAIAN SUKAN PELAJAR LELAKI



Berkopiah kecuali semasa aktiviti PJPK

Baju sukan sekolah/ t-shirt KRSM/ t-shirt putih kosong

Seluar sukan hitam/ biru gelap

Kasut kanvas hitam/ kasut sukan

3.1.2 Pakaian Rasmi Sekolah Pelajar, Pengawas, Pengawas Pusat Sumber Perempuan

BAJU

- a) Berwarna putih, warna biru (Pengawas) dan ungu (Pengawas Pusat Sumber), lengan panjang, dan dijahit dengan benang berwarna putih.
- b) Baju tidak terlalu labuh atau terlalu singkat kira-kira paras lutut.
- c) Material baju jenis licin dan kemas.
- d) Hendaklah sentiasa longgar. Baju ketat tidak dibenarkan.
- e) Tangan baju bercekak dengan ketebalan 1 inci setengah dan sentiasa dibutangkan.

KAIN

- a) Kain berwarna biru (Ting 1-5), warna hitam (Pengawas dan Pengawas Pusat Sumber) dan warna hijau (Pelajar Tahfiz). Labuh kain tidak menutupi tumit kasut atau singkat ke aras buku lali.
- b) Kain yang ketat atau terbelah tepi tidak dibenarkan.
- c) Tidak dibenarkan memakai kain dalam (yang seumpama dengannya) tetapi digantikan dengan memakai seluar *track suit* atau slack longgar.

KASUT DAN STOKIN

- a) Syarat-syarat sama seperti pelajar banin.

KAIN TUDUNG, SKAF DAN SARUNG LENGAN

- a) Tudung berwarna biru (Pengawas) dan ungu (Pengawas Pusat Sumber).
- b) Berbentuk mini telekung berpotongan bundar.
- c) Labuh melebihi paras siku.
- d) Skaf dan sarung lengan hendaklah berwarna hitam.

LENCANA/ TANDA NAMA

- a) Syarat-syarat sama seperti pelajar lelaki.

Lampiran

PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH PELAJAR PEREMPUAN



Tanda nama dan lencana sekolah

Tudung labuh melepasi paras siku

Baju kurung, tangan bercekak

Kain biru susun johor

Stokin hitam dan kasut kanvas hitam



PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH PENGAWAS PEREMPUAN



Tanda nama dan
lencana sekolah

Tudung labuh
melempi paras siku

Baju kurung tangan
bercekak

Kain hitam susun
johor

Kasut kulit dan stokin
hitam



PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH PENGAWAS PUSAT SUMBER PEREMPUAN



Tanda nama dan lencana sekolah

Tudung labuh melepasi paras siku

Baju kurung tangan bercekak

Kain hitam susun

Kasut kulit dan stokin hitam

PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH PELAJAR TAHFIZ PEREMPUAN



Lencana sekolah
dan tanda nama

Tudung labuh
melempi paras siku

Baju kurung tangan
bercekak

Kain hijau susun jhor

Kasut kanvas dan
stokin hitam



PAKAIAN SERAGAM PELAJAR PEREMPUAN SEMASA 'OUTING'



Tudung labuh
melempi paras siku

T-shirt hijau muslimah
rasmi sekolah

Kain hitam susun
johor

Kasut kanvas dan
stokin hitam



PAKAIAN SERAGAM KRSM PEREMPUAN (DIPAKAI HARI RABU)



Beret dan lencana beret

Pangkat

Tudung KRS, lanyard merah dan tanda nama

Baju KRS labuh

Seluar KRS

Kasut kanvas/ kulit dan stokin hitam



PAKAIAN SUKAN PELAJAR PEREMPUAN



3.1.3 Pakaian Semasa Aktiviti Kokurikulum

- a) Bagi pelajar lelaki, Baju-T khas yang tidak mempunyai sebarang tulisan atau lambang. Bagi pelajar perempuan, Baju-T (labuh paras lutut) yang ditetapkan oleh pihak sekolah.
- b) Seluar panjang sukan berwarna gelap (hitam, biru tua atau coklat).
- c) Kasut sukan yang sesuai.



3.2 Rambut/ Misai

a) Pelajar lelaki dilarang berambut panjang. Istilah rambut panjang adalah seperti berikut:

Di belakang : Rambut jatuh melebihi garis di bawah cuping telinga.


Hadapan : Rambut menutupi garis tengah dahi

Sisi : Rambut melebihi kedua-dua telinga dan *sideburn* melebihi garis tengah hidung.

Atas : Rambut lebih panjang 5cm panjang.

b) Fesyen berambut *rap* iaitu fesyen rambut pendek di tepi dan panjang di tengah, rambut berfesyen *skin head*, rambut botak tidak dibenarkan dan mana-mana fesyen yang tidak menepati nilai-nilai Islam.

c) Pelajar adalah dilarang memakai/ menyimpan misai atau janggut atau kedua-duanya sekali.



3.3 Tatatertib berpakaian

- a) Semua pelajar dikehendaki memakai pakaian yang menutup aurat sepanjang masa.
- b) Semua pakaian yang menunjukkan fesyen ala *groovy*, *rugged*, *rock* dan sebagainya yang tidak sesuai dengan nilai-nilai keislaman adalah dilarang.
- c) Pelajar lelaki dilarang memiliki atau memakai:-
 - Seluar jeans dalam semua bentuk/ ala jeans/ poket bertampal.
 - Seluar yang berkaki besar atau sempit.
 - Tali pinggang besar, gelang, rantai, subang, dan cincin.
 - Kasut selain dari kasut sekolah (kasut kanvas/ kulit hitam) dan kasut sukan khas untuk bersukan.
- d) Pelajar perempuan tidak dibenarkan memiliki atau memakai:-
 - Mini skirt dan midi.
 - Seluar jeans dalam semua bentuk/ ala jeans/ poket bertampal.
 - Semua pakaian yang ketat, jarang dan tidak berlengan/berlengan pendek.
 - Semua jenis barang kemas termasuk *Brooch* (Keronsang), dan alat solek. Perhiasan yang diperbuat daripada perak, manik, benang dan lain-lain juga tidak dibenarkan.
- e) Semasa kelas bimbingan berfokus (waktu petang), pelajar wajib memakai pakaian rasmi sekolah.
- f) Pakaian pada waktu-waktu biasa atau waktu bebas pelajar hendaklah berpakaian menutup aurat dan kemas. Baju-T tidak berkolar adalah dilarang memakainya.
- g) Tidak dibenarkan memakai selipar ke sekolah dengan pakaian seragam. Jika ini berlaku mesti segera dilaporkan kepada Pengawas bertugas dan guru disiplin. Pelajar yang memakai selipar tidak dibenarkan memasuki kelas.
- h) Tidak dibenarkan memakai baju sejuk *sweater* sekiranya cuaca tidak sejuk.
- i) Pelajar banat diwajibkan membawa dan memakai telekung (berserta kain) setiap kali solat berjemaah.

- j) Dilarang memakai solekan ke sekolah, semasa memakai pakaian seragam sekolah atau semasa mewakili sekolah. Dilarang mencabut bulu kening, menyimpan kuku panjang serta mewarnakannya.
- k) “ Day without uniform” dijalankan pada setiap hari Jumaat minggu terakhir setiap bulan. Pelajar dibenarkan memakai pakaian bebas tetapi mengikut ciri-ciri etika berpakaian yang telah ditetapkan oleh Unit Disiplin sekolah.

4 TATATERTIB BILIK DARJAH

- 4.1 Pelajar hendaklah bangun dan memberi hormat (salam) ketika guru/ Pengetua/ pelawat masuk dan keluar dari bilik darjah.
- 4.2 Bilik darjah hendaklah sentiasa bersih. Satu jadual tugas hendaklah disediakan, dipamerkan dan dipatuhi.
- 4.3 Ketua kelas hendaklah memastikan kebersihan kelas dan juga alat-alat kelengkapan mencukupi.
- 4.4 Pelajar yang bertugas dikehendaki menyempurnakan tugasnya pada waktu pagi sebelum perhimpunan. Pengawas akan mengawasi kesempurnaan kerja-kerja ini pada waktu yang sama.
- 4.5 Selepas sekolah bakul sampah hendaklah dikosongkan serta diterbalikkan.
- 4.6 Pelajar-pelajar dilarang:-
 - Merosakkan dan menconteng barang-barang dalam bilik darjah.
 - Menggunakan kerusi dan meja guru.
 - Mengubah kedudukan dan lain-lain tanpa kebenaran guru kelas.
 - Membuat bising, mengganggu ketenteraman dan tidur di dalam kelas.
 - Tinggal di dalam bilik darjah sebelum mata pelajaran, masa rehat dan selepas sekolah kecuali mereka yang bertugas dan mendapat kebenaran guru tingkatan.
 - Tinggal dalam bilik darjah dengan pintu tertutup walaupun tinggal seorang diri di dalamnya.

- 4.7 Pelajar tidak dibenarkan keluar kelas tanpa kebenaran guru atau ketua kelas.
- 4.8 Pelajar yang hendak keluar ke tandas atau keluar berjumpa guru/pelajar lain pada waktu belajar dikehendaki mendapat kebenaran daripada guru yang mengajar (Dibenarkan dalam keadaan terdesak dan mustahak sahaja dengan memperolehi KAD KEBENARAN KELUAR).
- 4.9 Tidak dibenarkan keluar dari bilik darjah semasa pertukaran mata pelajaran. Kebenaran untuk keluar mestilah didapati dari guru mata pelajaran dengan memperolehi KAD KEBENARAN KELUAR.
- 4.10 Tidak dibenarkan masuk ke dalam Bilik Guru, Makmal Sains, Makmal IT, Bengkel Kemahiran Hidup, Bilik Pusat Sumber, Bilik Gerakan, Bilik SPBT, Bilik UUP, Bilik Kaunseling, Stor Sukan, dan Stor Fizikal tanpa kebenaran guru dan kehadiran guru di dalamnya.
- 4.11 Semasa ketiadaan guru, ketua kelas dan penolongnya bertanggungjawab menjaga ketenteraman kelas.
- 4.12 Lampu dan kipas hendaklah sentiasa ditutup selepas menggunakannya.
- 4.13 Pelajar diwajibkan makan dan minum di dalam bilik darjah. Perkakas makanan perlu dicuci di kantin sekolah. Tidak dibenarkan mencucinya di tandas
- 4.14 Carta-carta dan artikel di papan kenyataan hendaklah ditukar pada tiap-tiap minggu. Dilarang mempamerkan iklan pada papan kenyataan.

5 KANTIN

- 5.1 Pelajar yang tidak membawa bekal sendiri dibolehkan membeli makanan dari kantin sahaja. Tidak dibenarkan pelajar menjual barang makanan tanpa kebenaran.
- 5.2 Pelajar dikehendaki beratur apabila membeli makanan. Mereka perlu makan di kantin.
- 5.3 Pinggan, mangkuk, sudu dan gelas hak kepunyaan kantin hendaklah diletakkan di tempat yang telah ditetapkan.

- 5.4 Sisa-sisa makanan dan pembalut-pembalut plastik hendaklah dimasukkan ke dalam bekas yang disediakan oleh pembekal kantin.
- 5.5 Setelah selesai membeli dan makan hendaklah segera meninggalkan kantin.
- 5.6 Semasa waktu PKP ini, semua pelajar diminta makan di dalam kelas.
- 5.7 Pelajar dinasihatkan membawa wang yang secukupnya untuk keperluan sahaja. Jangan membawa wang yang berlebihan.
- 5.8 Jangan meludah merata-rata.

6 LALU LINTAS SEKOLAH

- 6.1 Hanya pelajar yang berlesen sahaja dibenarkan membawa motosikal ke sekolah. Had laju yang dibenarkan ialah 30km/j.
- 6.2 Pelajar dilarang menunggang motosikal/basikal di kawasan sekolah pada setiap masa.
- 6.3 Semua basikal hendaklah diletakkan/disimpan di tempat basikal yang khas dengan teratur dan berkunci.
- 6.4 Basikal mestilah lengkap dengan *stand*, loceng, lampu dan brek dalam keadaan baik.
- 6.5 Dilarang menunggang basikal bersaing atau dalam keadaan yang berbahaya.
- 6.6 Sebarang kenderaan bermotor pelajar yang dibawa masuk ke kawasan sekolah hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Pengetua. Tiap-tiap kenderaan bermotor mestilah **didaftarkan** dengan Lembaga Pengawas. Salinan lesen dan nombor pendaftaran kenderaan perlu diberi kepada Guru Disiplin. Motor itu hendaklah diletakkan di tempat-tempat yang ditetapkan.
- 6.7 Jika keluar kelas secara beramai-ramai mestilah berbaris.

7 TANDAS

- 7.1 Pelajar mestilah menggunakan tandas mengikut jantina masing-masing seperti ditetapkan. Tidak dibenarkan menggunakan tandas guru.
- 7.2 Kebersihan tandas mestilah dijaga. Jangan menconteng dinding tandas dan merosakkan alat-alat di dalamnya.
- 7.3 Tandas yang telah digunakan mestilah ditarik balik pamnya dengan cermat dan paip air ditutup semula setelah digunakan.
- 7.4 Jangan membuang kertas, pembalut makanan, sampah dan tuala wanita ke dalam tandas terutama di tempat pembuangan najis. Gunakan tong sampah yang telah disediakan untuk membuang kertas/ tuala wanita dan lain-lain.
- 7.5 Jangan membuat bising, bertolak-tolak semasa berada di dalam tandas. Keluar dari tandas secepat mungkin.

8 SKIM BUKU PINJAMAN (SPBT)

- 8.1 Pelajar yang menghilangkan buku teks pinjaman tanpa menggantikannya tidak akan diberi pinjaman pada tahun berikutnya. Sijil dan Surat Berhenti Sekolah akan ditahan.
- 8.2 Pelajar dilarang meninggalkan buku teks di dalam kelas selepas waktu persekolahan. Sekiranya pelajar terjumpa buku teks di mana-mana sahaja hendaklah menyerahkan kepada guru bertugas/ guru SPBT/ Penolong Kanan atau Pejabat.
- 8.3 Pelajar yang akan bertukar ke sekolah lain akan membawa bersama buku teks yang dipinjam begitu juga yang berpindah ke Sekolah Menengah Al-Hidayah juga akan membawa buku teks dari sekolah lama.
- 8.4 Semua buku perlu dibalut dengan plastik lutsinar.
- 8.5 Setiap pelajar perlu mengisi nama dan kelas di setiap buku pinjaman tersebut.
- 8.6 Pelajar dilarang menconteng buku pinjaman dan menjaganya dengan baik.

- 8.7 Sekiranya pelajar didapati gagal membalut buku teks, dia akan dikenakan bayaran RM3 untuk setiap buku yang tidak dibalut dan diminta membalutnya segera. Plastik dan peralatan berkenaan akan disediakan oleh pihak guru SPBT.

9 HARTA BENDA SEKOLAH

- 9.1 Pelajar tidak dibenarkan menggunakan bangunan dan alat-alat sekolah tanpa kebenaran Pengetua. Pelajar juga tidak dibenarkan memegang sebarang kunci sekolah. Kerosakan alat-alat hendaklah dilaporkan kepada guru tingkatan.
- 9.2 Pelajar yang didapati merosakkan harta benda sekolah dengan sengaja atau tidak sengaja dikehendaki membayar ganti ruginya mengikut nilai yang ditetapkan oleh Pengetua. Jika sesuatu kerosakan itu tidak dapat dikesan pembuatnya, semua pelajar yang bertanggungjawab dalam tingkatan itu dikehendaki membayar ganti ruginya.
- 9.3 Pelajar dilarang menggunakan alat-alat sukan yang berbahaya seperti cakera, lembing, dan peluru tanpa pengawasan guru.
- 9.4 Pelajar tidak dibenarkan membawa keluar atau memindahkan kerusi meja dari bilik darjah tanpa kebenaran guru atau pihak sekolah.
- 9.5 Dilarang menggaris, menconteng dan merosakkan harta benda sekolah.
- 9.6 Pelajar dilarang menggunakan telefon sekolah dan menerima panggilan telefon. Telefon awam di luar pejabat hanya boleh digunakan untuk hal-hal yang mustahak sahaja. Penggunaan telefon awam dilarang sama sekali pada waktu sekolah/kelas tuisyen dan ketika majlis-majlis sekolah sedang dijalankan. Pelajar hanya dibenarkan menggunakan telefon awam pada waktu rehat dan selepas tamat waktu persekolahan.

10 AKTIVITI SEKOLAH

- 10.1 Semua pelajar dikehendaki menghadiri/mengambil bahagian dalam semua aktiviti/program yang dijalankan oleh pihak sekolah.

Edaran pelajar asrama.

- 10.2 Sekiranya tidak dapat hadir ke sesuatu program sekolah/aktiviti kokurikulum mestilah memberitahu guru yang berkenaan dengan segera secara lisan dan juga secara bertulis (surat tunjuk sebab yang ditandatangani oleh ibu bapa)
- 10.3 Pelajar yang menghidap penyakit dan mendapat surat daripada doktor kerajaan dikecualikan daripada mengambil bahagian dalam sukan dan permainan.
- 10.4 Hanya persatuan yang telah mendapat kebenaran daripada Pengetua yang boleh dijalankan di sekolah.
- 10.5 Pakaian untuk program sekolah/aktiviti kokurikulum mestilah mematuhi arahan guru yang berkaitan dengan program/aktiviti berkenaan.
- 10.6 Sebarang aktiviti/mesyuarat/lawatan/rombongan pelajar tidak boleh dianjurkan tanpa kebenaran Pengetua.
- 10.7 Semua surat-menyurat mengenai aktiviti/program/lawatan mestilah dibuat dengan kelulusan pengetua melalui guru yang berkenaan dan PK HEM.

11 **AKTIVITI LUAR SEKOLAH**

- 11.1 Pelajar dilarang melibatkan diri dalam persatuan luar terutama persatuan/pertubuhan haram/politik dan sebagainya.
- 11.2 Pelajar dilarang menyertai atau mewakili mana-mana majlis pertandingan yang bukan dianjurkan oleh pihak sekolah kecuali mendapat kebenaran daripada Pengetua.
- 11.3 Pelajar tidak dibenarkan menganjurkan sebarang kegiatan dengan menggunakan nama sekolah kecuali mendapat kebenaran Pengetua.
- 11.4 Pelajar juga tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam majlis sosial yang bertentangan dengan nilai keislaman seperti menari di khalayak ramai, memasuki peraduan ratu cantik atau yang seumpamanya.

12 KOPERASI

- 12.1 Pelajar dibenarkan pergi ke koperasi pada waktu rehat dan di luar waktu persekolahan sahaja kecuali dengan arahan guru.
- 12.2 Semasa membeli barang, pelajar dikehendaki beratur dengan tertib dan jangan membuat bising.
- 12.3 Pelajar dilarang masuk ke bahagian ruang pekerja koperasi pada bila-bila masa.

13 ORANG LUAR

- 13.1 Ibu Bapa/ Penjaga yang ingin berjumpa dengan anak-anak mereka pada waktu persekolahan hendaklah mendapat kebenaran Pengetua terlebih dahulu dan tidak dibenarkan terus ke kelas.
- 13.2 Pelajar tidak dibenarkan membawa pelawat atau berjumpa dengan mereka pada masa sekolah kecuali mendapat kebenaran daripada Pengetua.

14. MAJALAH DAN PENULISAN

- 14.1 Sebarang kegiatan untuk menerbitkan majalah asrama, majalah, risalah, berita, pengumuman dengan menggunakan surat atau bahan bercetak atau digital mestilah mendapat kebenaran daripada Pengetua.
- 14.2 Semua tulisan yang bertujuan untuk disebar/ dicetak dan diedar hendaklah melalui guru penasihat untuk semakan.
- 14.3 Pelajar tidak dibenarkan membuat sebarang kenyataan kepada pihak akhbar atau badan-badan lain tanpa pengetahuan dan kebenaran Pengetua.
- 14.4 Segala perkara yang berhubung dengan penerbitan majalah, risalah, berita atau pengumuman dengan menggunakan surat, bahan bercetak atau digital adalah tertakluk kepada peraturan sekolah dan pindaan-pindaannya.

15 BARANG-BARANG YANG DILARANG DIBAWA KE SEKOLAH/ASRAMA

- 15.1 Alat tajam/*pencil blade/blade cutter*
- 15.2 *Handphone / pager*
- 15.3 *Alat video games*
- 15.4 Daun terup / *magic game cards*
- 15.5 Radio / kaset / *walkman / cd / vcd / mp3 / mp4*
- 15.6 Kamera / *camcorder*
- 15.7 Laptop
- 15.8 Rokok / vape / pemetik api / mercun / mancis
- 15.9 *Chewing gum*
- 15.10 Makanan ringan (*junk food*)
- 15.11 Pen Marker
- 15.12 *Liquid paper / Correction tape*
- 15.13 Topi
- 15.14 *Pouch Bag*
- 15.15 Gitar
- 15.16 Cat / *spray*
- 15.17 Alat solek (gincu, bedak kompak dan sebagainya) / *perfume / cologne / cermin*
- 15.18 Alat-alat perhiasan (rantai / gelang / cincin / kerongsang)
- 15.19 Majalah / novel / komik dan apa-apa jenis bahan bacaan yang tidak berbentuk ilmiah
- 15.20 *Skate board / roller skate / roller blade*

- 15.21 Kondom
- 15.22 Alat / barang / bahan lain yang tiada kena-mengena atau berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran
- 15.23 Alat / barang / bahan yang boleh mengganggu suasana pengajaran dan pembelajaran atau membahayakan orang lain atau merosakkan harta benda sekolah.
- 15.24 Alatan elektrik seperti kipas, pembakar roti dan lain-lain.

AMARAN :

Alat / barang / bahan terlarang di atas akan dirampas sekiranya dibawa ke sekolah sama ada semasa waktu persekolahan atau di luar waktu persekolahan. Anda juga boleh dikenakan hukuman berat mengikut kategori kesalahan. **Barang-barang yang dirampas hanya boleh dituntut oleh ibu bapa/ penjaga sendiri dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak sekolah.**

16 ASRAMA

- 16.1 Peraturan pemakaian
 - 16.1.1 Setiap pelajar dikehendaki berpakaian kemas semasa menghadiri kelas persediaan, pemeriksaan kamar dan menghadiri sebarang acara rasmi asrama.
 - 16.1.2 Setiap pelajar mesti memakai pakaian rasmi asrama yang lengkap dan kemas apabila keluar dari kawasan asrama seperti keluar ke bandar, mengikuti rombongan dan pulang ke rumah.
- 16.2 Harta persendirian
 - 16.2.1 Menjadi tanggungjawab setiap pelajar menjaga harta benda milik masing-masing.

- 16.2.2 Buku-buku persendirian, pakaian atau apa juga barangan hak milik pelajar hendaklah ditulis nombor matrik sendiri dan dijaga dengan bersih, cermat dan sempurna.
- 16.2.3 Wang dan barang-barang berharga tidak boleh ditinggalkan di dalam kelas, kamar atau tempat-tempat yang terdedah. Semua ini adalah di bawah tanggungjawab masing-masing.
- 16.2.4 Sebarang wang atau benda-benda lain yang dijumpai hendaklah diserahkan kepada pengawas atau guru asrama untuk diumumkan dan dipulangkan kepada pemiliknya.

16.3 Kelas persediaan

- 16.3.1 Semua pelajar diwajibkan meghadiri kelas-kelas persediaan petang dan malam seperti yang telah ditetapkan.
- 16.3.2 Sebarang pengecualian hendaklah mendapat kebenaran daripada Pengetua, Ketua Guru Asrama dan guru asrama bertugas.
- 16.3.3 Sewaktu kelas persediaan kegiatan bukan berbentuk akademik tidak dibenarkan.
- 16.3.4 Pelajar juga tidak dibenarkan membaca majalah, komik, novel (bukan sukatan pelajaran), menulis surat, berjalan-jalan atau berbual-bual kosong atau tidur sewaktu kelas persediaan.
- 16.3.5 Pelajar-pelajar hanya dibenarkan menjalankan kelas persediaan di kelas yang telah ditetapkan sahaja.
- 16.3.6 Pelajar dilarang meninggalkan buku teks di dalam kelas selepas waktu kelas persediaan.

16.4 Makanan

- 16.4.1 Pelajar tidak dibenarkan membawa makanan dan minuman keluar dari dewan makan.
- 16.4.2 Pelajar tidak dibenarkan membawa makanan basah ke dalam bilik asrama.

16.4.3 Pelajar yang mempunyai alahan terhadap makanan tertentu mestilah memaklumkan kepada penyelia asrama untuk tindakan.

16.4.4 Peralatan seperti pinggan, gelas, sudu dan sebagainya hendaklah dibersihkan dengan teliti selepas menggunakannya.

16.5 Peraturan keluar masuk

16.5.1 Pelajar dibenarkan keluar ke bandar mengikut jadual yang ditetapkan oleh pengurusan asrama.

16.5.2 Setiap pelajar mestilah menyerahkan kad pelajar/kad kebenaran keluar di pondok pengawal sewaktu keluar dan mengambilnya semula semasa memasuki kawasan asrama.

16.5.3 Kebenaran keluar asrama pada waktu lain hanya dibenarkan untuk rawatan pesakit, kecemasan, atau sebab-sebab lain yang wajar sahaja.

16.5.4 Pelajar tidak dibenarkan keluar dari asrama tanpa kebenaran Ketua Guru Asrama atau Guru Asrama bertugas.

16.5.5 Permohonan untuk keluar bermalam selain daripada tarikh yang telah ditetapkan oleh sekolah perlu dihantar oleh ibubapa sekurang-kurangnya 3 hari sebelum permohonan untuk dipertimbangkan oleh pengetua atau Ketua Guru Asrama.

16.5.6 Pelajar tidak dibenarkan keluar mengikut penjaga pelajar lain kecuali dengan makluman kebenaran ibu bapa pelajar atas sebab-sebab yang dinyatakan.

16.6 Peraturan melawat

16.6.1 Masa melawat adalah ditetapkan seperti berikut :-

Tarikh *Outing* sahaja.

Sabtu (Syabab) : 10:00 a.m. - 6:00 p.m.

Ahad (Fatayat) : 10:00 a.m. - 6:00 p.m.

Edaran pelajar asrama.

- 16.6.2 Pelawat terlebih dahulu perlu menunjukkan kad pelawat di Pejabat Pengurusan Asrama sebelum dibenarkan untuk bertemu dengan pelajar.
 - 16.6.3 Masa kecemasan atau hal-hal lain yang mustahak, ibu bapa atau penjaga boleh melawat dengan kebenaran Pengetua / Ketua Guru Asrama/ guru asrama yang bertugas.
 - 16.6.4 Semua pelawat hendaklah dilayan di tempat yang disediakan. Pelawat dilarang masuk ke dalam bilik asrama dan kawasan-kawasan larangan yang lain seperti kawasan sekitar asrama.
 - 16.6.5 Pelajar perempuan tidak dibenarkan menerima tetamu lelaki kecuali bapa atau saudara lelaki yang memegang kad pelawat.
 - 16.6.6 Semua pelawat mestilah mempunyai kad pelawat dan memenuhi syarat-syarat yang tercatat pada kad pelawat tersebut.
 - 16.6.7 Pihak pengawal/guru asrama berhak menahan pelawat-pelawat yang tidak mempunyai kad pelawat atau yang diragukan kesahihannya.
 - 16.6.8 Pelawat tidak dibenarkan bertemu dengan pelajar sebelum sesuatu aktiviti asrama yang sedang dijalankan tamat.
 - 16.6.9 Pada waktu persekolahan, sekiranya ada kecemasan atau hal yang penting, pelawat mestilah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran Pengetua.
 - 16.6.10 Pelawat tidak dibenarkan pergi ke bilik belajar/kelas untuk bertemu pelajar.
 - 16.6.11 Pakaian pelawat mestilah sopan dan beradab.
- 16.7 Pemeriksaan bilik/asrama
- 16.7.1 Pemeriksaan pada setiap hari persekolahan dijalankan oleh pengawas asrama dan Ketua Kompeni atau Penolong Ketua Kompeni, sebelum sarapan pagi dan akan dipantau oleh guru asrama bertugas bagi memastikan:
 - i) kebersihan kamar pelajar
 - ii) kebersihan asrama
 - iii) perkara-perkara lain yang diperlukan oleh pihak sekolah

16.7.2 Pemeriksaan asrama pada hari Ahad jam 10:00 pagi dijalankan oleh guru asrama dan diiringi oleh AJK tertinggi kompeni. Semasa pemeriksaan semua pelajar mesti berada dikamar masing-masing dan dalam keadaan bersedia.

16.7.3 Pemeriksaan mengejut diadakan pada bila-bila masa oleh Pengetua/Penolong Kanan HEM (Ketua guru asrama) / Guru asrama / Guru Disiplin atau pengawas asrama.

16.8 Perhimpunan / perjumpaan kompeni / kamar

16.8.1 *Roll Call*

Roll Call akan diadakan setiap kali pelajar kembali ke sekolah sebelum dan selepas minggu *overnight* atau pada bila-bila masa yang diarahkan oleh Ketua Guru Asrama. Semua pelajar diwajibkan hadir semasa perhimpunan diadakan.

16.8.2 Ketua Kompeni hendaklah membantu guru asrama bertugas untuk mengambil kedatangan pelajar mengikut kompeni masing-masing

16.9 Perjumpaan kompeni / kamar

16.9.1 Perjumpaan kompeni / kamar mestilah terlebih dahulu dalam makluman guru asrama bertugas

16.9.2 Perjumpaan hendaklah diketuai oleh Ketua Asrama / ketua kompeni

16.9.3 Perjumpaan hendaklah tidak melewati jam 11.30 malam atau lebih jika berlaku kecemasan.

16.10 Surat dan Barang Pos

- 16.10.1 Semua surat dan barang yang diterima dan dikirim mesti ada nama dan alamat pengirim.
- 16.10.2 Pihak pengurusan asrama berhak menapis semua surat dan barangan.
- 16.10.3 Penerima surat berdaftar mesti membawa kad pengenalan dan mengambil surat berdaftar di pejabat asrama selepas waktu persekolahan.
- 16.10.4 Tidak dibenarkan untuk mewakilkan orang lain untuk mengambil bagi pihak pelajar

17 WAKTU PANDEMIK

- 17.1 Pelajar perlu mematuhi peraturan yang dikeluarkan terutama yang berkaitan dengan pandemik demi mengawal penularan virus.
- 17.2 Pelajar yang bergejala tidak dibenarkan hadir ke sekolah.
- 17.3 Setiap pelajar perlu sentiasa memakai pelitup muka setiap masa. Pelajar dibenarkan menanggali pelitup muka tersebut apabila duduk di tempat sendiri di dalam kelas.
- 17.4 Pelajar perlu mengimbas suhu badan sebelum memasuki kawasan sekolah.
- 17.5 Bilik darjah hendaklah sentiasa bersih dan perlu dinyahkuman setiap kali selesai sesi persekolahan. Satu jadual tugas hendaklah disediakan, dipamerkan dan dipatuhi.
- 17.6 Ketua kelas hendaklah memastikan kebersihan kelas dan juga alat-alat kelengkapan mencukupi. "Hand Sanitizer" perlu disediakan di pintu masuk setiap kelas.
- 17.7 Penjarakan sejauh 1 meter antara pelajar wajib disusun mengikut SOP KPM.
- 17.8 Pelajar yang bertugas menyahkuman dan membersihkan kelas perlu melakukan tugas ini dengan pantas. Mereka perlu segera bergerak ke surau untuk solat Zohor berjemaah.
- 17.9 Pelajar dikehendaki beratur apabila membeli makanan. Mereka perlu makan di kelas masing-masing sahaja. Tidak dibenarkan makan di kawasan lain.
- 17.10 Dalam keadaan PKP, semua pelajar asrama tidak dibenarkan *outing*. Aktiviti luar juga dihadkan.

- 17.11 Pelawat tidak dibenarkan melawat. Makanan hanya boleh dihantar melalui pondok jaga pada hari Sabtu daripada pukul 9 am hingga 4 pm.

18. KUASA PENGETUA

- 18.1 Pengetua adalah bertanggungjawab berkenaan disiplin sekolah. Beliau berkuasa dan boleh menurunkan kuasanya kepada guru lain untuk memberi hukuman ke atas pelajar yang didapati melanggar peraturan dan undang-undang sekolah. Jika perkara ini memerlukan siasatan lanjut, Pengetua boleh mengarahkan Lembaga Disiplin untuk berbuat demikian.

19. SISTEM MERIT DAN DEMERIT

19.1 Objektif Sistem Merit dan Demerit

Am: Membentuk pelajar yang berdisiplin, berakhlak mulia dan berhemah tinggi setiap masa di sekolah seterusnya menjadi insan yang bertanggungjawab, dan berguna pada masa hadapan selaras dengan Falsafah Pendidikan Al-Hidayah.

- Khas:
- a) Mempertingkatkan mutu disiplin pelajar sekolah ini.
 - b) Melatih pelajar supaya patuh kepada peraturan sekolah.
 - c) Mengesan dan mengawasi tingkah laku pelajar sepanjang masa persekolahan.
 - d) Mengelakkan pelajar daripada melakukan kesalahan disiplin berulang kali.

19.2 Cara- cara Perlaksanaan Sistem Merit dan Demerit

1. Setiap pelajar diberi 100 mata merit yang akan disimpan sepanjang tempoh persekolahan di Sekolah Menengah Al-Hidayah.
2. Penambahan dan penolakan mata merit akan memberi kesan kepada markah kompeni.
3. Sekiranya pelajar melanggar mana-mana peraturan yang telah ditetapkan, mata merit pelajar tersebut akan ditolak dan akan direkodkan dalam Rekod Salah Laku (Dalam Buku Peraturan Sekolah) dan juga Kad Rekod Salah Laku Pelajar (Guru Disiplin).

4. Sekiranya pelajar membuat kebaikan dan kebajikan, mata merit akan ditambah dan akan direkodkan dalam Buku Peraturan Sekolah.
5. Jenis kesalahan dan mata demerit dibahagikan kepada 4 bahagian:
 - a) Kesalahan Ringan - 1 - 5 mata
 - b) Kesalahan Sederhana - 6 - 15 mata
 - c) Kesalahan Sederhana Berat - 16 – 30 mata
 - d) Kesalahan Berat - 31 – 50 mata

} (Rujuk Lampiran A)
6. Semua guru diberi kuasa memberi mata demerit berpandukan Lampiran A
7. Di samping mata demerit, tindakan juga akan dikenakan. (Rujuk Lampiran B)
8. Sekiranya seseorang pelajar melakukan kesalahan berat atau sederhana berat atau mencatatkan 50 mata demerit, pihak sekolah akan memanggil ibu bapa dan pelajar boleh digantung persekolahannya.
9. Sekiranya seseorang pelajar mengumpul mata demerit sebanyak 20 mata melalui kesalahan-kesalahan kecil, ibu bapa pelajar tersebut juga akan dipanggil untuk berbincang dengan Pengetua demi kebaikan pelajar tersebut.
10. Tindakan untuk kes-kes kesalahan sederhana berat dan kes-kes berat akan diputuskan dalam mesyuarat Lembaga Disiplin.
11. Pelajar yang telah menerima demerit, boleh menambah markah mereka dengan membuat kebajikan sebanyaknya.
12. Mata merit akan diberi berpandukan buku PKPIM dibawah topik yang bersesuaian.
13. Maksimum mata merit bagi setiap pelajar ialah 200 mata.

Lampiran A

KATEGORI KESALAHAN MENGIKUT SISTEM DEMERIT

1. Kesalahan Ringan (1 – 5 mata demerit)

- 1.1 Datang lewat/ Lewat ke perhimpunan/makmal/bengkel/surau (solat berjemaah dan lain-lain program di surau)
- 1.2 Tidak memakai uniform lengkap dan kemas (termasuk tanda nama, lencana, songkok, tudung yang pendek (rujuk saiz tudung pada Perkara 7.3.1 – panduan pakaian pelajar perempuan, stoking dan kasut)
- 1.3 Memakai/membawa perhiasan / barang kemas
- 1.4 Berkuku panjang/berinai/mewarnakan kuku
- 1.5 Mencukur kening/melukis kening
- 1.6 Mewarnakan rambut/Berambut panjang (lelaki sahaja)/Rambut berfesyen (contoh: punk/skinhead dsb)
- 1.7 Melukis inai di mana-mana anggota badan/tatu
- 1.8 Tidak memakai pakaian yang bersesuaian dengan aktiviti sekolah (ingkar arahan)
- 1.9 Tidak memberi kerjasama kepada guru dan rakan
- 1.10 Berkeliaran tanpa izin (tanpa Kad Keluar Kelas)
- 1.11 Makan di dalam kelas (waktu bukan PKP)
- 1.12 Bising di dalam kelas/mengganggu Pengajaran dan Pembelajaran
- 1.13 Tidak membuat/menyiapkan kerja rumah
- 1.14 Tidak membawa buku/nota/peralatan yang sepatutnya
- 1.15 Tidak mematuhi peraturan makmal/bengkel/pusat sumber/kantin
- 1.16 Membuang sampah merata-rata/ Mengotorkan/menyalahgunakan tandas
- 1.17 Ponteng kelas/sekolah/ujian/peperiksaan/perhimpunan/aktiviti kokurikulum/pogram-program/acara yang dianjurkan sekolah
- 1.18 Keluar/pulang tanpa kebenaran (semasa waktu sekolah/aktiviti/program sekolah)
- 1.19 Menipu melibatkan kepercayaan/wang
- 1.20 Tidak membawa buku peraturan sekolah/menghilangkan Buku Peraturan sekolah
- 1.21 Memasuki bilik-bilik khas tanpa kebenaran
- 1.22 Tidak membalut buku SPBT
- 1.23 Kesalahan-kesalahan lain yang difikirkan termasuk dalam kategori ini oleh Lembaga Disiplin Sekolah.
- 1.24 Tidak menyampaikan surat/pekeliling/memo daripada pihak sekolah kepada ibu bapa.

2. Kesalahan Sederhana (6 – 10 mata demerit)

- 2.1 Tidak menghormati guru / bersikap bongkak dan angkuh terhadap guru
- 2.2 Degil dan tidak mengikut nasihat / arahan guru
- 2.3 Menconteng harta benda sekolah (kerusi/meja/dinding/perabot dan lain-lain)
- 2.4 Menconteng/meminda/mengoyak maklumat /iklan di papan kenyataan atau di mana-mana sahaja yang dibuat oleh pihak sekolah/guru
- 2.5 Membawa/membaca majalah/buku cinta
- 2.6 Tidak mengikut arahan pengawas/ketua kelas dan lain-lain kepimpinan pelajar yang dilantik oleh pihak sekolah
- 2.7 Tidak melaksanakan tugas seperti yang telah dipertanggungjawabkan
- 2.8 Merosakkan / menghilangkan buku SPBT / buku Pusat Sumber
- 2.9 Membawa alat/barang/bahan yang dilarang dibawa ke sekolah (selain daripada alat/barang/bahan yang termasuk dalam kes berat seperti rokok, ganja dan bahan lucah)
- 2.10 Melakukan kesalahan ringan berulang kali (lebih daripada 3 kali) walaupun sudah diberi amaran.

3. Kesalahan Sederhana Berat (11 – 20 mata demerit)

- 3.1 Membawa/menulis surat cinta/menyimpan gambar
- 3.2 Main kutu
- 3.3 Meniru/menipu dalam peperiksaan/ujian
- 3.4 Bergaduh/Bertumbuk
- 3.5 Menganiaya/mempermainkan rakan
- 3.6 Ponteng kelas/sekolah/perhimpunan/ujian/peperiksaan/aktiviti kokurikulum/pogram-program yang dianjurkan sekolah berulang kali
- 3.7 Mengeluarkan kata-kata kesat / mencarut atau isyarat lucah juga melukis gambar lucah atau menulis kata-kata lucah.
- 3.8 Mengedarkan risalah tanpa kebenaran pihak sekolah
- 3.9 Masih melakukan kesalahan kategori ringan / sederhana walaupun telah diberi amaran
- 3.10 Tidak hadir ke sekolah 3 hari berturut-turut atau jumlah ketidakhadiran melebihi 10 hari tanpa pemberitahuan surat bertulis kepada Pengetua, Penolong Kanan atau Guru Kelas.
- 3.11 Tidak solat Zohor berjemaah

4. Kesalahan Berat (21 – 50 mata demerit)

- 4.1 Membawa senjata berbahaya/bahan-bahan letupan
- 4.2 Mengancam/memeras ugut/memukul/mencederakan pelajar lain
- 4.3 Membawa, memiliki, menghisap/mengedar dadah dan sebagainya
- 4.4 Menghidu gam/petrol
- 4.5 Membawa/minum/menyimpan minuman keras dan sebagainya.
- 4.6 Membawa, memiliki/menyimpan, mengedar atau menghisap rokok atau vape.
- 4.7 Melibatkan diri/bersubahat atau melakukan perbuatan mencuri.
- 4.8 Berjudi/terlibat dengan permainan yang berunsur pertaruhan
- 4.9 Menganggotai/membantu pertubuhan haram.
- 4.10 Menghina/memaki hamun/mengancam/memukul/mencederakan/ berkelakuan biadap dengan pihak pentadbiran sekolah, guru-guru dan kakitangan sekolah
- 4.11 Membeli/membawa/membaca/melihat/mempamerkan/menjual/menyebarkan bahan-bahan lucah
- 4.12 Mencemarkan nama baik sekolah/melakukan sebarang perbuatan yang boleh menjatuhkan nama baik sekolah.
- 4.13 Membuat kenyataan berhubung sekolah dalam media massa atau internet tanpa kebenaran pihak pentadbiran sekolah.
- 4.14 Berkhalwat / berjumpa dan berbual-bual sehingga boleh menimbulkan keraguan dan fitnah / berhubung melalui telefon, sms, internet dan surat-menyurat yang menghampiri perbuatan sumbang / tidak senonoh
- 4.15 Membuat hubungan cinta antara berlainan jenis/sesama jenis (homoseksual/lesbian).
- 4.16 Berkelakuan tidak senonoh / sumbang antara sesama jenis / lawan jenis (berkasih-kasih / berpegangan / berpelukan / bercumbuan).
- 4.17 Melakukan mana-mana kesalahan yang bersabit dengan tindakan mahkamah
- 4.18 Meminda maklumat pada rekod /dokumen sekolah (cth : meminda rekod demerit, kad laporan, sijil, slip keputusan / markah dsb) / meminda cuti sakit
- 4.19 Sengaja menyimpan (tanpa keizinan) / menyorokkan atau merosakkan harta benda sekolah atau harta persendirian guru dan pelajar lain.
- 4.20 Mengadakan perhimpunan / perjumpaan / mesyuarat / sebarang aktiviti menggunakan alat dan bangunan sekolah tanpa kebenaran pihak berkuasa sekolah (termasuk bermalam di sekolah tanpa kebenaran).
- 4.21 Masih membantah hukuman guru sekalipun sudah 3 atau 4 kali amaran / masih melakukan / Masih melakukan kesalahan kategori ringan / sederhana / sederhana berat walaupun telah diberi hukuman
- 4.22 Membawa motosikal ke sekolah tanpa lesen. (Ini adalah kerana ia adalah termasuk kesalahan lalulintas di jalanraya)

- 4.23 Melanggar peraturan tata tertib yang menurut budi bicara Pengetua sebagai pelanggaran tata tertib yang berat.

5. Disiplin Asrama

5.1 Jenis-jenis kesalahan dalam kategori berat

- 5.1.1 Penyalahgunaan dadah
- 5.1.2 Penghisap/menyimpan rokok dan mancis
- 5.1.3 Memiliki senjata berbahaya
- 5.1.4 Memiliki/meminum minuman keras
- 5.1.5 Mencuri/menyamun/merompak
- 5.1.6 Memeras ugut
- 5.1.7 Berjudi/menyimpan peralatan judi
- 5.1.8 Bergaduh/bertumbuk
- 5.1.9 Menghasut/mengejek
- 5.1.10 Menceroboh/mengintai kawasan Asrama Puteri/Putera
- 5.1.11 Buli/ragging
- 5.1.12 Keluar asrama tanpa kebenaran
- 5.1.13 Menyimpan gambar/menonton filem lucah
- 5.1.14 Merosakkan harta benda asrama
- 5.1.15 Berpasangan/berkhalwat/membuat maksiat
- 5.1.16 Melakukan sesuatu yang berbahaya
- 5.1.17 Ponteng sekolah
- 5.1.18 Lain-lain kesalahan yang serius

5.2 Jenis-jenis kesalahan sederhana berat

- 5.2.1 Tidak hadir perjumpaan/perhimpunan rasmi
- 5.2.2 Tidak hadir solat Jumaat/berjemaah
- 5.2.3 Ponteng kelas bimbingan/agama
- 5.2.4 Pulang lewat dari masa yang ditetapkan
- 5.2.5 Biadap/tidak sopan
- 5.2.6 Menyalahgunakan kemudahan asrama

Edaran pelajar asrama.

- 5.2.7 Tidak menjaga kebersihan bilik/bangunan/persekitaran asrama
- 5.2.8 Meludah merata-rata
- 5.2.9 Membuang sampah merata-rata
- 5.2.10 Lewat pergi ke sekolah
- 5.2.11 Tidak berpuasa di bulan Ramadhan
- 5.2.12 Merayau-rayau tanpa sebab pada waktu malam
- 5.2.13 Menyimpan rambut panjang/misai/janggut/rambut berekor
- 5.2.14 Melanggar peraturan dewan makan
- 5.2.15 Menulis/menerima/menyimpan/bermain cinta
- 5.2.16 Lain-lain kesalahan yang difikirkan munasabah

** Perlaksanaan merit dan demerit akan diusahakan secara digital

*** Mata merit dan demerit asrama sama dengan mata merit dan demerit sekolah.

Lampiran B

PANDUAN BENTUK TINDAKAN / HUKUMAN YANG BOLEH DIKENAKAN TERHADAP PELAJAR YANG MELAKUKAN KESALAHAN DISIPLIN

KESALAHAN RINGAN (1 – 5 mata demerit)	KESALAHAN SEDERHANA BERAT (16 – 30 mata demerit)
<p>(Budi bicara guru sendiri / rujuk kepada guru disiplin)</p> <ul style="list-style-type: none">- Memberi nasihat / amaran- Mengutip sampah dalam kawasan sekolah- Membersihkan kelas, bilik guru, surau dan lain-lain- Mencuci tandas- Berdiri di dalam / di luar kelas- Menyiram pokok bunga- Tidak dibenarkan keluar pada waktu rehat- Dan lain-lain tindakan / hukuman yang wajar	<p>(Rujuk kepada guru disiplin dan Lembaga Disiplin Sekolah)</p> <ul style="list-style-type: none">- Amaran lisan kepada pelajar- Amaran bertulis kepada ibu/bapa/penjaga- Sesi kaunseling- Rotan- Kelas Tahanan- Gantung asrama- Tidak boleh outing
KESALAHAN SEDERHANA (6 – 15 mata demerit)	KESALAHAN BERAT (31 – 50 mata demerit)
<p>(Budi bicara guru sendiri / rujuk kepada guru disiplin)</p> <ul style="list-style-type: none">- Membayar ganti rugi- Rampas barang- Lain-lain denda seperti dalam kesalahan ringan tetapi kekerapan atau waktunya ditambah	<p>(Rujuk kepada guru disiplin dan Lembaga Disiplin Sekolah)</p> <ul style="list-style-type: none">- Dirotan- Digantung sekolah- Gantung / buang asrama- Buang sekolah

TINDAKAN HUKUMAN BAGI KATEGORI MEROKOK / VAPE

KESALAHAN	HUKUMAN
Kali pertama	Amaran dan rotan
Kali kedua	Rotan / Unit Kaunseling /Hubungi ibubapa
SPI Bil 4/1997: Hukuman ke atas Murid menghisap rokok	<u>Rotan / Gantung / Buang sekolah</u> Kali pertama : Rotan sekali Kali kedua : Rotan dua kali Kali ketiga : Rotan tiga kali Kali keempat : Gantung persekolahan (Tidak melebihi 14 hari) Kali kelima : Buang sekolah